

KARANGAN 14 (O LEVEL)

Kamu telah menyaksikan salah seorang teman kamu berkelakuan tidak jujur. Gambarkan reaksi dan tindakan yang telah kamu ambil berikutan kejadian tersebut.

BAHAGIAN PENGENALAN

Perenggan Tumpuan Cerita

Dahi gadis muda itu mula berkerut. Wajahnya tampak terkejut. Tidak di sangkanya akan perbuatan teman sebiliknya selama ini. Si Teman terus khayal menggerakkan jari-jemarinya pada papan kekunci komputer. Dia tidak sedar gadis muda itu sedang berdiri di belakangnya memerhatikan apa yang dia lakukan. Mata Si Teman terus terpaku pada skrin komputer. Dia mula mengukirkan senyuman. Tidak dia sangka jumlah wang yang terkumpul di dalam akaun banknya begitu banyak sekali. Hatinya rasa puas. Hanya dengan usaha yang sedikit sahaja dia berjaya mendapat pendapatan yang lumayan. Dengan segera dia menggerakkan tetikus komputer dan melungsur laluan perniagaan dalam talian yang dikendalikannya. Apa lagi barang yang boleh aku tawarkan untuk menarik perhatian pengunjung alam maya ini. Fikirannya mula menyusun helah baru.

Perenggan Latar Cerita

Gadis belasan tahun itu adalah aku. Aku tinggal sebilik dengan Cheryl di sebuah hostel universiti setempat sudah hampir satu semester. Ada kalanya aku hairan bagaimana Cheryl mampu membeli barang-barang berjenama sedangkan dia tidak bekerja dan datang daripada keluarga yang sederhana. Tidak pernah aku tanyakan dia perkara tersebut sebab aku rasa segan kerana kami baru berkenalan dan belum rapat lagi. Kini aku sedar dari mana dia mendapat duit yang banyak itu. Cheryl rupanya menipu dalam talian dengan mengambil wang pendahuluan tetapi tidak memberikan pelanggan akan barang yang mereka pesan. Pada awalnya Cheryl melakukan penipuan ini untuk membiayai kos pendidikannya di universiti. Akan tetapi, apabila dia mendapat wang yang banyak dengan mudah, dia mula rasa seronok. Dia membelanjakannya pada barang-barang berjenama yang diidamkannya tetapi tidak mampu dia beli sebelum ini.